

6 strategi tingkat prestasi IPTA

» Kerajaan mahu 3 universiti tempatan dalam senarai 100 terbaik dunia

Kementerian Pendidikan menggariskan enam strategi sebagai usaha meningkatkan lagi prestasi institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan kedudukannya dalam dunia.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kian Ching, berkata langkah itu selaras aspirasi kerajaan dalam Plan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang men-

asarkan tiga universiti tempatan diiktiraf dalam kelompok 100 terbaik dunia dan satu daripadanya dalam kelompok 50 terbaik dunia menjelang 2020.

Antara langkah itu ialah mengiktiraf enam IPTA iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan.

Pergiat penyelidikan

“Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima IPTA itu akan mempergiat aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan dan inovasi,” katanya sewaktu menjawab soalan

Senator Datuk Syed Ibrahim Kader di persidangan Dewan Negara, baru-baru ini.

Syed Ibrahim bertanya mengenai langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan mutu dan kedudukan IPTA berada dalam 100 universiti terbaik dunia.

Yap memberitahu Dewan Negara bahawa kementerian turut memperuntukkan RM600 juta kepada lima universiti penyelidikan itu untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nanoteknologi, automotif, bioteknologi dan aeroangkasa.

Selain itu, kementerian turut memberi kuasa autonomi kepada tujuh IPTA iaitu UM, USM, UKM,

UPM, UTM, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berdasarkan 'Code of Good Governance (CUGG).

Perkasa kualiti

“Dengan adanya usaha berterusan yang dirangka kementerian untuk memperkasa kualiti serta kesedaran IPTA tentang prestasi masing-masing, ia mampu menjadi pemangkin dalam merealisasikan aspirasi negara sebagai hab pendidikan antarabangsa.

“Ia sekali gus menjana kualiti pendidikan tinggi dan mampu meningkatkan kedudukan IPTA tempatan dalam kelompok yang terbaik di dunia,” katanya.

BERNAMA



“
Dengan adanya usaha berterusan, ia mampu menjadi pemangkin dalam merealisasikan aspirasi negara sebagai hab pendidikan antarabangsa”

Mary Yap Kian Ching,
Timbalan Menteri Pendidikan